

20 MAR 1996

Osman-CF

PELAN TIDAK LENGKAP PUNCA KELEWETAN CF, KATA MB KEDAH

ALOR SETAR, 20 Mac (Bernama) -- Kelewatan hotel-hotel di Langkawi memperolehi Sijil Kelayakan Diduduki (CF) bukan disebabkan oleh kerajaan negeri mengenakan syarat tambahan, kata Menteri Besar Tan Sri Haji Osman Aroff.

Beliau berkata kelewatan itu berpunca daripada pengusaha hotel yang menghantar pelan pembinaan bangunan yang tidak lengkap selain daripada tidak membuat permohonan untuk mendapatkan CF.

"Kalau kerajaan tempatan hendak memberi CF, kita harus memastikan mereka memenuhi semua syarat yang diperlukan untuk mendapatkan CF, tetapi kita tidak pernah mewujudkan syarat tambahan," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam dilaporkan sebagai berkata bahawa terdapat kerajaan negeri yang gagal memberikan CF hanya kerana pemaju tidak memenuhi syarat yang tidak berkaitan sehingga menyebabkan kerugian kepada pembeli dan pemaju.

Dalam pembinaan hotel, kata Osman, kerajaan negeri tidak pernah mengenakan syarat tambahan kepada pemaju termasuk peruntukan khas 30 peratus untuk Bumiputera.

Terdapat hotel yang membuat permohonan tetapi tidak mengemukakan pelan bangunan yang lengkap menyebabkan CF tidak dapat dikeluarkan, katanya.

Katanya, sepatutnya mereka membuat semula pelan bangunan berkenaan dan menghantar kepada pihak berkuasa tempatan untuk diluluskan.

Beliau berkata pejabat daerah Langkawi sejak pertengahan tahun lepas telah memanggil pengusaha hotel yang belum memperolehi CF dan berbincang apa yang perlu mereka buat untuk mendapatkan sijil berkenaan.

"Selepas itu, 48 buah hotel membuat permohonan manakala lapan buah lagi tidak berbuat demikian," katanya.

Osman berkata walaupun banyak hotel tidak mempunyai CF, kerajaan negeri memberi kelonggaran kepada hotel-hotel itu beroperasi kerana pada masa itu Langkawi memerlukan jumlah bilik penginapan untuk pelancong.

"Walaupun kelonggaran itu diberikan, pengusaha hotel itu mesti mendapatkan CF," katanya.

Beliau berkata sekiranya hotel-hotel berkenaan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan kemungkinan CF dapat dikeluarkan tidak sampai enam bulan, seperti tempoh yang dinyatakan Perdana Menteri pada persidangan berita di Langkawi semalam. -- BERNAMA

BD AKD